

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
TAHUN 2020**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS  
[ JELEBU ]**

**SOALAN**

**DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [ JELEBU ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapa jumlah pekerja yang diberhentikan pekerjaan sepanjang tahun 2019 dan sehingga suku kedua 2020, dan berapa pula peluang pekerjaan yang berjaya diwujudkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Tidak dapat dinafikan permintaan yang semakin berkurang ekoran daripada krisis ekonomi global lantaran pandemik COVID-19 menyebabkan syarikat-syarikat tempatan dan antarabangsa terpaksa mengecilkan saiz perniagaan dan sesetengah majikan terpaksa melakukan proses pemberhentian pekerja bagi mengurangkan kos pengurusan bagi menstabilkan kejatuhan permintaan syarikat.

2. Bagi tahun 2019, sebanyak 29,605 orang pekerja yang terlibat dengan pemberhentian melibatkan seramai 1,241 orang majikan. Pemberhentian Tetap (*Permanent Retrenchment*) melibatkan seramai 25,730 orang pekerja manakala seramai 3,875 orang pemberhentian secara Pemberhentian Sukarela (*Voluntary Separation Scheme*).

3. Mengikut rekod JTKSM, pada tahun 2020 sehingga 30 Jun, Jumlah keseluruhan yang terlibat dengan pemberhentian iaitu sebanyak 1,377 majikan dengan 36,196 orang pekerja. Pemberhentian Tetap (*Permanent Retrenchment*) melibatkan seramai 28,779 orang pekerja manakala seramai 7,417 orang pemberhentian secara Pemberhentian Sukarela (*Voluntary Separation Scheme*).

4. Portal JobsMalaysia (JM) di bawah Kementerian Sumber Manusia merupakan portal rasmi pasaran pekerja untuk pencarian dan penawaran pekerjaan melalui sistem padanan kerja sistem *web based* yang lebih mudah dan sistematik kepada pencari kerja dan majikan mendapatkan pekerja yang sesuai. Pusat JobsMalaysia (JMC) di seluruh negara menawarkan pelbagai informasi kekosongan pekerjaan dan perkhidmatan khidmat nasihat pekerjaan kepada pencari kerja dan majikan secara percuma dan kemudahan menjalankan temuduga terbuka. Pencari kerja pula berpeluang untuk menyertai karnival pekerjaan di seluruh negara

## SOALAN NO : 178

termasuk program-program temuduga terbuka yang diadakan di semua Pusat Transformasi Bandar (*Urban Transformation Center - UTC*) dan JMC di seluruh negara sepanjang tahun.

5. KSM telah merangka dan melaksanakan pelbagai program dan inisiatif melalui jabatan dan agensi-agensi di bawahnya untuk membantu para pencari kerja warganegara dan pekerja diberhentikan. Antara program-program yang telah dilaksanakan ialah penganjuran temu duga terbuka mengikut standard prosedur norma baharu yang telah ditetapkan. Ia bertujuan sebagai platform bagi para pencari kerja dan majikan untuk bertemu dan mendapatkan pekerjaan dan calon pekerja yang sesuai dengan kehendak mereka.

6. Kerajaan sedang memberi tumpuan kepada aktiviti pelaburan domestik yang mempunyai kesan pengganda yang tinggi dan mengekalkan pekerjaan, melalui pengumuman Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN). Projek-projek Kerajaan diteruskan dalam Belanjawan 2020 yang bertujuan untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negara. Inisiatif seperti pelaburan domestik diperkukuhkan bagi pengekalan pekerjaan serta menyumbang penghasilan *value jobs* dan *knowledge worker*. Pengwujudan peluang-peluang pekerjaan baharu (*new jobs creation*) dalam negara di pelbagai sektor ekonomi amat bergantung dengan usaha-usaha Kerajaan di bawah dasar kewangan dan fiskal kerajaan yang telah diberi keutamaan yang serius oleh pihak kerajaan.

Sekian, terima kasih.